



SEMENYIH SEJAHTERA

LAPORAN AKTIVITI

2024



**NUSHI
MAHFODZ**

Setahun Merintis #SEMENYIHSEJAHTERA



NUSHI MAHFODZ
ADN Selangor N24 Semenyih



PERANAN ADN

- 01** Sebagai **Mekanisme Penyampaian** pendapat dan kehendak rakyat;
- 02** Sebagai pembuat atau **Penggubal Undang-Undang** (legislatif)
- 03** Sebagai **Mekanisme Semak dan Imbang** ke atas kuasa-kuasa eksekutif.

Setahun sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor telah membawa pelbagai pengalaman pahit manis penuh bermakna.

Dalam tempoh ini, tanggungjawab besar untuk memastikan kesejahteraan Semenyih menjadi keutamaan, di tengah-tengah landskap politik yang sering kali rumit dan mencabar.

Perjalanan ini penuh dugaan, namun dengan minda positif, ketahanan, pendekatan diplomasi secara konsisten dan sokongan akar umbi, kita mampu mengatasi segala rintangan.

Profesionalisme agensi kerajaan, kerjasama persatuan penduduk, KRT, AJK surau/masjid, NGO serta sikap proaktif warga Semenyih menjadi asas kekuatan kita.

Sumbangan berterusan dari ahli parti dan dermawan juga memacu inisiatif DUN ini.

Kesatuan dan kebersamaan inilah yang memperkuuh Semenyih, membuktikan kekuatan komuniti dalam mencapai kejayaan bersama. Ini adalah kejayaan kolektif milik seluruh warga Semenyih.

HALA TUJU

Pusat Khidmat ADN Semenyih



SEMENYIH SEJAHTERA

VISI

Semenyih Sejahtera menjamin kesejahteraan, kerukunan dan kemakmuran masyarakat; hasil gabungan prinsip Rukun Negara, penyatuan ummah, pembangunan manusia dan ekonomi yang menekan aspek keadilan kepada semua lapisan masyarakat



SEPAKAT SEMENYIH

Semenyih bersatu padu, harmoni dan saling melengkapi. Kita bina komuniti yang saling menghormati, mendukung & bertoleransi.



KASIH SEMENYIH

Semenyih saling peduli dan saling membantu. Proaktif memastikan kebajikan antara kita terjaga; setiap individu merasa dihargai dan dilindungi.



SEMARAK SEMENYIH

Pembinaan modal insan secara holistik – spiritual, fizikal dan intelektual – untuk membentuk masyarakat Semenyih yang berdaya saing dan seimbang

Tinjaun Peruntukan ADN



Peruntukan ADN memainkan peranan penting dalam memastikan ADN dapat menjalankan tugas dengan efektif demi maslahah semua penduduk,

Bagi ADN pembangkang di Selangor, peruntukan hanya mula diterima pada Mei 2024, dengan jumlah yang berkurangan dan syarat penggunaan yang terlalu ketat, walaupun telah kami memenangi pilihan raya secara sah pada Ogos 2023.

Penindasan sistemik ini menuntut kecekalan & kreativiti dalam memenuhi keperluan rakyat dengan sumber yang terhad, memastikan perkhidmatan tetap diberikan secara adil & berkesan.

A. Pembahagian Peruntukan Yang Diluluskan



Tinjaun

Peruntukan ADN

RM

400K

Diluluskan


RM

308K

Digunakan



B. Peratusan Belanja, *Tanggungan & Baki Mengikut Kategori



*Tanggungan adalah duit yang asingkan khusus untuk projek yang telah disahkan atau dipersetujui.

INFAQ DERMAWAN

Nadi Bakti PKDS



JUMLAH INFAQ

RM
101,623

Dalam situasi di mana peruntukan untuk ADN pembangkang bukan sahaja lambat disalurkan, malah dikurangkan, sumbangan daripada para dermawan—terutamanya ahli-ahli parti—telah menjadi penyelamat yang amat bererti.

Melalui sumbangan ini, kami dapat terus menyalurkan bantuan; memastikan golongan yang memerlukan tidak terpinggir. Inilah simbol kekuatan dan solidariti kita bersama dalam menghadapi cabaran.

Tanpa kalian, cita-cita Semenyih Sejahtera mungkin tidak akan direalisasi. Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada perjuangan ini.


Tinjauan URUSAN PKDS



Carta ini mencerminkan usaha kami memenuhi keperluan komuniti sepanjang setahun ini.

Dari bantuan kewangan, aduan, ziarah hingga memberi sokongan, setiap angka mewakili cerita tersendiri setiap individu yang memerlukan.

Setiap usaha kami adalah bukti komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap kesejahteraan dan kepentingan bersama.



JUMLAH URUSAN : 936


Tinjauan Urusan PKDS
BANTUAN

234


Penerima Bantuan

RM
39,193

Bantuan yang telah
diluluskan



Lain-lain



Sakit



Non Muslim



Warga Emas



OKU



Ibu Tunggal



Tinjauan Urusan PKDS
ADUAN


121

Aduan



Sebagai penyampai suara rakyat, kami menmanangkan aduan penduduk kepada pihak berwajib untuk tindakan lanjut.

Ini membantu memastikan isu kemudahan awam, kebersihan, keselamatan jalan raya dan sebagainya ditangani secara efektif oleh agensi bertanggungjawab.



Tinjauan Urusan PKDS
ZIARAH

184

Ziarah Kasih

RM
12,269

Sumbangan Ziarah



Santuni Masyarakat




Miskin



Sakit



Bencana



Warga Emas



Kenduri



Kematian



Kemalangan




Partipasi **SIDANG DEWAN**



Sidang Dewan Undangan Negeri menjadi platform membawa suara rakyat, mengajukan soalan, berbahas, serta menyokong atau menolak rang undang-undang.

Tugas ini memastikan kepentingan rakyat diutamakan dalam dasar negeri. ADUN juga memainkan peranan semak imbang, memastikan keputusan dibuat dengan telus serta mengawasi pelaksanaan dasar agar selaras dengan keperluan rakyat.

Taburan Kategori Soalan :



Partipasi **SIDANG DEWAN**



Sidang Dewan Undangan Negeri menjadi platform membawa suara rakyat, mengajukan soalan, berbahas, serta menyokong atau menolak rang undang-undang.

Tugas ini memastikan kepentingan rakyat diutamakan dalam dasar negeri. ADUN juga memainkan peranan semak imbang, memastikan keputusan dibuat dengan telus serta mengawasi pelaksanaan dasar agar selaras dengan keperluan rakyat.

Antara soalan yang pernah disuarakan :

- 1 - Apakah rasional kenaikan kadar cukai taksiran dan bagaimana ia memberi manfaat kepada penduduk?
- 2 - Apakah usaha yang telah dilakukan dan perancangan masa hadapan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasakan institusi wakaf untuk manfaat rakyat?
- 3 - Apakah tindakan dan hukuman yang telah diambil terhadap isu-isu berkaitan Infrastruktur & Kemudahan Awam?
- 4 - Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri terhadap aduan daripada penduduk mengenai isu Kerajaan Tempatan?
- 5 - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan pekerja warga asing di DUN Semenyih?
- 6 - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi mewujudkan peluang pekerjaan untuk anak muda di Selangor amnya dan DUN Semenyih khasnya?
- 7 - Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperbanyakkan surau diri Jumaat di Negeri Selangor dalam mengatasi masalah limpahan jemaah pada setiap kali Jumaat?

LAPORAN IMPAK

PUSAT KHIDMAT ADN SEMENYIH

2023 - 2024

Tahun 2023-2024 menyaksikan pelbagai inisiatif dilaksanakan di bawah teras #SepakatSemenyih, #KasihSemenyih, dan #SemarakSemenyih.

Program-program ini bertujuan meringankan beban rakyat, meningkatkan kualiti hidup, membantu golongan memerlukan, menggilap potensi, menyebarkan ilmu, memperkuuh perpaduan, serta membangunkan modal insan demi kesejahteraan & masa depan komuniti.



Program Mesra Rakyat

melibatkan pelbagai aktiviti untuk memperkuuh perpaduan, menggalakkan aktiviti sihat, dan memastikan kebijikan komuniti terjaga dengan baik. Antaranya :

Majlis Khatam Quran	Disertai 300 muslimah wakil masjid dan surau di lokaliti masing-masing dan juga asnaf yang turut menerima sumbangan.
Jelajah Surau #SemarakRamadan	Ziarah hampir 100 buch masjid dan menyampaikan sumbangan sambil menyantuni jemaah surau dalam bulan Ramadan.
Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri	Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Semenyih disertai hampir 5K orang awam, NGO, wakil agensi dan rakan politik.
Free Market : Kembali Ke Sekolah	Meringankan beban lebih 1000 penduduk Semenyih termasuk 100 asnaf sambil membudayakan upcycle& kelestarian alam.
#SemarakMerdeka 2024	Raikan Merdeka dengan brisk walk, sukan rakyat, mewarna, konvoi ARC, e-sukan, pemeriksaan kesihatan, dan jualan gerai untuk mengeratkan silaturrahim serta memupuk semangat patriotik.

936

Urusan PKDS :
bantuan, aduan,
sokongan & ziarah

121

Aduan telah
dilajukan kepada
agensi berkaitan

183

Ziarah sakit, OKU,
bencana, armalah,
warga emas & kenduri

102K

Wang infaq telah
disalurkan kepada
yang memerlukan

77%


Wang peruntukan
yang telah
dimanfaatkan

93

Soalan lisan &
bertulis dalam Sidang
Dewan Negeri

STRUKTUR ORGANISASI

Pusat Khidmat ADN Semenyih





RANGKUMAN AKTIVITI


SEMENYIH SEJAHTERA

2024



**NUSHI
MAHFODZ**

Rangkuman Aktiviti **SEmenyih Sejahtera**



Walkabout Pasar Semenyih



Free Market : Kembali Ke Sekolah



Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Semenyih



Meninjau banjir di Taman Semenyih Indah



Bertemu petugas SAR dalam ops mencari remaja di Bukit Broga



Meninjau pencemaran udara di Bandar Bukit Mahkota

Rangkuman Aktiviti **SEmenyih Sejahtera**



Libat urus dengan Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat (JPS)



Taklimat Peruntukan Mesra Rakyat (PMR) Pejabat Daerah & Tanah Hulu Langat



Libat Urus dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat



Kunjungan hormat ke Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAID)



Meninjau anak sungai Sg Kembong Hilir yang tercemar dan mengalami pemendapan



Libat Urus dengan Jabatan Alam Sekitar Hulu Langat

Rangkuman Aktiviti **SEmenyih Sejahtera**



Mendengar luahan rasa wakil
Persatuan Penduduk Pangsapuri D'Kayangan, Setia Ecohill.



Libat urus dengan UMLand Bangi Heights berkaitan isu
infrastruktur sekitar BSP



Gotong Royong & **Sumbangan Tong Sampah** di Flat Taman Bangi Jaya



Perbincangan dengan Jurutera Jalan **JKR Daerah** tentang penaiktarafan jalan & petak kuning



Bertemu peniaga dan meninjau masalah di **Laman Niaga MPKJ Bandar Seri Putra**



Majlis makan malam bersama **delegasi Parlimen Australia**

Rangkuman Aktiviti **KASIH SEMENYIH**



Sumbangan Kerusi Roda di Kg Sg Sematar, Beranang



Ziarah Kematian



Sumbangan pesakit buah pinggang di Tmn Seri Jenaris



Menyantuni mangsa ribut Sg Purun



Sumbangan untuk mangsa kebakaran Kg Baru Semenyih



Sumbangan untuk mangsa kebakaran di Bandar Tasik Kesuma

Rangkuman Aktiviti **KASIH SEMENYIH**



Ziarah OKU di Sungai Purun



Ziarah warga emas di Kuala Pajam



Sumbangan tilam kepada mangsa banjir di Kg Sentosa.



Meninjau mangsa banjir di Kampung Batu Tiga



Sumbangan Aidilfitri di PASTI Tarbiyatul Aulad Ecohill



Sumbangan untuk mangsa banjir Kampung Pasir

Rangkuman Aktiviti **SEPAKAT SEMENYIH**



Ziarah Rumah Kebajikan
Jayaa Sri di Beranang



Gotong-Royong Tmn Prima
Saujana



Ziarah Pusat Warga Emas
68 心愿老人协会



Sedekad ISMA Kajang



Ziarah Pusat Jagaan
Mahmudah Malaysia
bersama PAPISMA & UMMI



Pertemuan dengan NGO
Tokong Semenyih

Rangkuman Aktiviti **SEPAKAT SEMENYIH**



Gotong-royong cegah Aedes di Pangaspuri Baiduri BTK



Gotong-royong membersihkan SMK Bandar Seri Putra



Menerima sumbangan RM2,000 dari PAS Jenaris



Sumbangan katil hospital bersama OKU Berdaya Bangi



Solat Tarawikh & moreh di Surau ar Raudhah, Bandar Bukit Mahkota



Gotong-royong bersama penduduk Taman Prima Saujana, IPD Kajang dan COMBI

Rangkuman Aktiviti **SEMARAK SEMENYIH**



Sumbangan untuk Ihtifal
KAFA al Falah



Perasmian Sambutan
Kemerdekaan Raudhah
Islamic School



Fiesta Sukan Komuniti
(**kabaddi & futsal**) sempena
Hari Sukan Negara 2023



Sumbangan beberapa **bola sepak**
kepada anak-anak KRT Seksyen 2
Bandar Bukit Mahkota.




Sumbangan untuk PIBG SRA
Sesapan Minangkabau



Sumbangan kepada
AR Football Club

Rangkuman Aktiviti **SEMARAK SEMENYIH**



Perasmian Pameran Lukisan D'Duo Luahan Rasa di Balairaya Kampung Rinching.



Perbincangan bersama Kelab Silat Gayung di Taman Pelangi Semenyih 2.



54 pasukan berentap dalam Kejohanan Sepak Takraw Plata YB Adun Semenyih 2024



Majlis Istiadat Penganugerahan Bengkung oleh PSSPGM Negeri Selangor



Majlis Makan Malam Tokong See Ya Kung & anugerah pelajar cemerlang dalam SPM & STPM



Pertandingan bola sepak dan bola jaring PASTI Hulu Langat.

Rangkuman Aktiviti **SEMARAK SEMENYIH**



100 pelajar menyertai
Bengkel Motivasi SPM di
Kampung Sentosa



Meninjau Seminar SPM
'Excellence Economy' anjuran
KRT Fasa 1L Bandar Tasik Kesuma.



Big Screen Piala FA
The Stadium Semenyih



Santai Anak Muda
Kg Pajam & Jln 6 Kaki



Melepaskan Lawatan Sambil
Belajar PKIB ke Port Dickson



Lebih 600 peserta menyertai
Larian Keluarga
Putramahkota 2024

Masa Depan Semenyih: Sejahtera Bersama



Harapan saya adalah untuk kita bersama-sama membina Semenyih yang sejahtera, di mana nilai-nilai kejujuran, kasih sayang, dan tanggungjawab menjadi teras yang diperjuangkan.

Saya mengajak kita semua untuk bersatu hati, berganding bahu, dan meletakkan kepentingan bersama mengatasi segala matlamat peribadi. Mari kita mencipta masa depan yang lebih baik, tanpa konflik yang memecahbelahan, dan melangkah dengan penuh ikhlas demi kebaikan semua.

Dengan sokongan anda, saya yakin kita mampu mencipta perubahan positif yang ketara.

Hubungi Kami:

✉️ pejadunsemenyih@gmail.com

📍 No. 17-1F, Jln Semenyih Sentral 4,
Taman Semenyih Sentral,
43500 Semenyih.

📞 019 - 601 1750
03 - 8724 5338

